



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH**
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

3 DISEMBER 2025

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah membentangkan Penyata Tindakan Susulan Kementerian/ Agensi pada semalam, Selasa 2 Disember 2025 dan hari ini, Rabu 3 Disember 2025 di Dewan Rakyat seperti berikut:
 - a) Selasa, 2 Disember 2025 - Penyata Tindakan Susulan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) Secara Pajakan (DR. 22 Tahun 2025); dan
 - b) Rabu, 3 Disember 2025 - Penyata Tindakan Susulan Kementerian Kewangan Dan Khazanah Nasional Berhad Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Pelaburan Domestik Khazanah (DR.23 Tahun 2025).
2. Dalam setiap tindakan susulan Kementerian/ Agensi terhadap syor-syor penyata PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada setiap tindakan susulan berkenaan.

Tindakan Susulan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) Secara Pajakan (DR. 22 Tahun 2025)

3. Bagi perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) secara pajakan, PAC mengambil maklum mengenai projek perolehan kereta api elektrik (EMU) secara pajakan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) masih belum dimulakan. PAC juga mengambil maklum model pelaksanaan baharu yang dicadangkan belum lagi diangkat semula bagi tujuan kelulusan Jemaah Menteri.
4. PAC juga mengambil maklum bahawa MOT dan Kementerian Kewangan (MOF) telah mengarahkan UEM untuk melaksanakan kajian *due diligence* serta mengadakan perbincangan awal dengan CRRC Corporation Limited (CRRC) bagi menilai kebolehlaksanaan projek.
5. MOT perlu memastikan supaya kajian *due diligence* tersebut disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi serta diangkat bagi kelulusan Jemaah Menteri.
6. Selain itu, PAC mengambil maklum tindakan MOT yang telah menetapkan keperluan pemilikan saham majoriti melebihi 51% oleh syarikat milik Malaysia sebagai kriteria utama dalam *Statement of Need* (SON), selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. PAC menyokong ketegasan MOT bahawa kegagalan mematuhi syarat tersebut akan menyebabkan Kerajaan tidak menandatangani kontrak kerana langkah ini penting bagi memastikan kawalan strategik, pemindahan teknologi dan manfaat jangka panjang kepada industri tempatan.
7. PAC menegaskan kepentingan penglibatan syarikat tempatan dalam aktiviti penyelenggaraan melalui proses tender terbuka bagi mengekalkan

ekosistem *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) dalam negara di samping membina kompetensi dan kemahiran tenaga kerja tempatan. PAC mencadangkan kontrak MRO harus berdasarkan *Performance-based Contract* di bawah pekeliling kewangan PK 1.8.

8. PAC menekankan keperluan memastikan usaha ini diperkukuh agar kapasiti dan keupayaan syarikat tempatan dapat ditingkatkan secara mampan.

Tindakan Susulan Kementerian Kewangan Dan Khazanah Nasional Berhad Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Pelaburan Domestik Khazanah (DR. 23 Tahun 2025)

9. Bagi Pelaburan Domestik Khazanah, PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil Khazanah dalam usaha mendidik orang awam mengenai strategi, peluang serta risiko yang wujud dalam pelaburan modal teroka (*Venture Capital* – VC). PAC berpandangan bahawa Khazanah perlu meningkatkan lagi komitmen terhadap komunikasi dengan khalayak ramai untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap peluang yang disediakan oleh Khazanah serta menjaga imej Khazanah sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia.
10. Di samping itu, PAC mengambil maklum usaha Khazanah untuk memperkukuh Prosedur Operasi Standard (SOP) analisis pascanilai bagi pelupusan pelaburan yang mengalami kerugian melebihi had material. Khazanah akan membentangkan Laporan Pascanilai, yang merangkumi punca kegagalan, kepada Jawatankuasa Pelaksana (EXCO) dan Lembaga Pengarah, satu penambahbaikan yang mula dilaksanakan sejak 2024 bagi memastikan akauntabiliti.

11. Dalam hal ini, Walaupun Khazanah telah mempunyai SOP sedia ada, PAC mengingatkan Khazanah dan MOF untuk terus mempertingkatkan tadbir urus dan tata kelola secara tegas bagi meminimumkan risiko kerugian dalam mencapai mandat yang telah ditetapkan.
12. Selain itu, PAC telah mengesyorkan Khazanah untuk memperkukuh rangka kerja pengurusan risiko dengan melaksanakan analisis senario yang lebih mendalam terhadap kejutan pasaran bukan kewangan (seperti perubahan teknologi dan geopolitik). PAC menuntut Khazanah memperkukuh analisis *Stress Testing* sedia ada—yang telah mengambil kira kejutan pasaran bukan kewangan seperti perubahan teknologi disruptif dan geopolitik sejak 2018—bagi memastikan ia dapat bertindak proaktif dalam menyusun semula atau melupuskan pelaburan secara pantas apabila asas pelaburan berubah drastik.
13. Walaupun Khazanah telah menyatakan komitmen untuk mempertingkatkan proses ini secara berterusan, PAC mengingatkan Khazanah untuk kekal berwaspada dan sentiasa memastikan kesiapsiagaan dalaman bagi menghadapi sebarang perubahan drastik pada asas pelaburan.
14. Selain itu, PAC mengambil maklum tindakan Khazanah dalam pelaporan Khazanah kepada MOF tidak lagi terhad kepada prestasi kewangan semata-mata, tetapi prestasi strategik pelaburan secara menyeluruh termasuk perkembangan utama serta inisiatif yang sedang dan telah dilaksanakan, selaras dengan mandat dan peranan Khazanah, serta ulasan serta kemas kini khusus berhubung prestasi syarikat-syarikat pelaburan Khazanah.

15. Berhubung perkara ini, PAC menyarankan supaya pihak MOF menyelaraskan keperluan pelaporan bersama pihak Khazanah bagi mendapat gambaran yang lebih mendalam, bukan sahaja berhubung pelaburan domestik Khazanah, malahan unjuran terhadap ekonomi serta industri dan sektor yang berkaitan.
16. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Penyata PAC tersebut boleh memuat turun (*download*) di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.
17. Dalam perkembangan lain, PAC pada semalam telah mengadakan prosiding keempat berhubung Pengurusan Perkhidmatan Bayaran Wang Jaminan Mahkamah melalui Sistem e-Jamin. Prosiding keempat ini telah menyaksikan kehadiran dan keterangan daripada pegawai kanan Kerajaan, termasuk Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Akauntan Negara Malaysia dan wakil Jabatan Peguam Negara.
18. Setelah meneliti keterangan yang dikemukakan, PAC kini sedang menimbang keperluan untuk memanggil saksi-saksi tertentu bagi membantu melengkapkan siasatan dan memastikan setiap sudut kelemahan tadbir urus dan tata kelola dalam isu e-Jamin ini diteliti secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen